

**PENGUNAAN ICT DALAM KALANGAN GURU PROGRAM PENDIDIKAN
KHAS INTEGRASI MASALAH PEMBELAJARAN DI SEKOLAH RENDAH**

SITI BADARIAH BINTI MOHAMAD

**LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN KHAS)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan bagi mengenalpasti sejauh mana penggunaan ICT dalam kalangan guru Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran di sekolah rendah dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kaedah tinjauan berbentuk kuantitatif digunakan bagi menjalankan kajian ini yang melibatkan 209 orang responden terdiri daripada kalangan guru-guru Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran di sekolah rendah negeri Pulau Pinang. Terdapat 12 persoalan kajian yang dikemukakan. Dapatan kajian menunjukkan tahap penggunaan ICT mereka adalah pada tahap sederhana dan terdapat hubungan dengan bidang ikhtisas, kehadiran kursus, umur, sikap, tujuan dan kemahiran ICT. Oleh yang demikian, faktor-faktor yang mempunyai hubungan perlu diberi perhatian dalam merangka program-program untuk meningkatkan tahap penggunaan ICT guru.

THE USE OF ICT AMONG LEARNING DISABILITIES INTEGRATED SPECIAL NEEDS PROGRAMME TEACHER IN PRIMARY SCHOOL

ABSTRACT

The objective of this research is to investigate the level of ICT usage among Learning Disabilities Integrated Special Needs Programme teachers in primary school and the factors affecting the usage. This study adopted quantitative approach to the research through survey instrument. The survey instrument was distributed to 209 respondents who are the teachers for Learning Disabilities Integrated Special Needs Programme in primary school around Penang. There are 12 research questions in the survey. The findings reveal that ICT usage among the respondents are at a moderate level. Professional field, training attendance, age, attitude, objective and ICT skills were determined as the factors that influence the level of ICT usage among the respondents. Therefore, the influence factors should be considered in designing ICT usage improvement programs among school teachers.



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Hipotesis Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.7.1 Kementerian Pendidikan Malaysia	13
1.7.2 Jabatan Pendidikan Negeri	13
1.7.3 Sekolah	14
1.7.4 Guru PPKI Masalah Pembelajaran	14
1.8 Skop Kajian	14

1.9	Batasan Kajian	15
1.10	Definisi Istilah	16
1.10.1	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)	16
1.10.2	Pendidikan Khas	16
1.10.3	Program Pendidikan Khas Integrasi	17
1.10.4	Guru PPKI Masalah Pembelajaran	18
1.10.5	<i>Asisstive Technology</i> (AT)	18
1.10.6	Pembelajaran dan Pengajaran	19
1.10.7	Penggunaan ICT	20
1.10.8	Kemahiran ICT	21
1.10.9	Sikap Terhadap ICT	22
1.10.10	Tujuan Penggunaan ICT	22
1.10.11	Kekangan Penggunaan ICT	23
1.11	Kerangka Konseptual	23
1.12	Rumusan	24

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Teori Resapan Dan Inovasi	26
2.3	Perkembangan ICT Dalam Pendidikan di Malaysia	32
2.4	Penggunaan ICT Dalam Pembelajaran dan Pengajaran	35
2.5	Penggunaan ICT Dalam Pendidikan Khas	37
2.6	Penggunaan ICT Oleh Guru	39
2.7	Sikap Penggunaan ICT	41
2.8	Tujuan Penggunaan ICT	42

2.9	Kemahiran Penggunaan ICT	43
2.10	Kekangan Penggunaan ICT Semasa PdP	44
2.11	Assistive Technology (AT) Terhadap Murid Pendidikan Khas	45
2.12	Rumusan	46

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	47
3.2	Rekabentuk Kajian	47
3.3	Populasi Dan Sampel Kajian	48
3.3.1	Menyediakan Senarai Subjek Populasi	49
3.3.2	Melabelkan Subjek-Subjek Populasi Mengikut Angka	49
3.3.3	Memilih Subjek Secara Rawak	50
3.3.4	Mengatasi Masalah Responden Yang Hilang	50
3.4	Instrumen Kajian	50
3.4.1	Bahagian A : Demografi	52
3.4.2	Bahagian B : Kekerapan Penggunaan ICT	52
3.4.3	Bahagian C : Sikap Terhadap Penggunaan ICT	53
3.4.4	Bahagian D : Tujuan Penggunaan ICT	54
3.4.5	Bahagian E : Kemahiran Menggunakan ICT	55
3.4.6	Bahagian F : Kekangan Penggunaan ICT	55
3.5	Kesahan Instrumen Kajian	56
3.6	Kebolehpercayaan Instrumen	57
3.7	Tatacara Kajian Dan Pengumpulan Data	59
3.7.1	Peringkat Permulaan	59
3.7.2	Peringkat Pertengahan	60

3.7.3	Peringkat Akhir	62
3.8	Kajian Rintis	62
3.9	Tatacara Analisis Kajian	63
3.9.1	Analisis Deskriptif	66
3.9.2	Analisis Infrensi	67
3.9.3	Analisis Hubungan	67
3.9.4	Analisis Sumbangan	68
3.10	Rumusan	68

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	70
4.2	Normaliti Data	71
4.3	Analisis Profil	71
4.3.1	Lokasi	72
4.3.2	Jantina	72
4.3.3	Umur	73
4.3.4	Kumpulan Perkhidmatan	74
4.3.5	Bidang Ikhtisas	75
4.3.6	Pendidikan Tertinggi	76
4.3.7	Kursus ICT	76
4.3.8	Pengalaman Mengajar	77
4.4	Analisis Deskriptif	78
4.4.1	Analisis Bahagian B : Kekerapan Penggunaan ICT	78
4.4.2	Analisis Bahagian C : Sikap Terhadap Penggunaan ICT	79
4.4.3	Analisis Bahagian D : Tujuan Penggunaan ICT	80

4.4.4	Analisis Bahagian E : Kemahiran Penggunaan ICT	82
4.4.5	Analisis Bahagian F : Kekangan Penggunaan ICT	85
4.5	Dapatan Persoalan Kajian	86
4.5.1	Persoalan Kajian Satu : Apakah Tahap Penggunaan ICT Oleh Guru Dalam PdP di PPKI Masalah Pembelajaran?	87
4.5.2	Persoalan Kajian Dua : Apakah Tahap Sikap Guru PPKI Masalah Pembelajaran terhadap penggunaan ICT?	88
4.5.3	Persoalan Kajian Tiga : Apakah Tujuan Guru PPKI Masalah Pembelajaran Terhadap Penggunaan ICT?	90
4.5.4	Persoalan Kajian Empat : Apakah Tahap Kemahiran Guru PPKI Masalah Pembelajaran Terhadap Penggunaan ICT?	91
4.5.5	Persoalan Kajian Lima : Apakah Tahap Kekangan Guru PPKI Masalah Pembelajaran Terhadap Penggunaan ICT Semasa PdP?	94
4.5.6	Persoalan Kajian Enam : Adakah Guru Menggunakan ICT Sebagai AT Semasa PdP?	95
4.6	Analisis Inferensi	97
4.6.1	Persoalan Kajian Ketujuh : Sejauhmanakah Faktor Demografi Mempengaruhi Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP Oleh Guru PPKI Masalah Pembelajaran?	97
4.7	Analisis Hubungan	106
4.7.1	Persoalan Kajian Lapan : Adakah Terdapat Hubungan Antara Sikap Guru Dengan Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP?	106
4.7.2	Persoalan Kajian sembilan : Adakah Terdapat Hubungan Antara Tujuan Penggunaan ICT Dengan Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP?	107
4.7.3	Persoalan Kajian 10 : Adakah Terdapat Hubungan Antara Kemahiran Guru Dengan Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP?	108
4.7.4	Persoalan Kajian 11 : Adakah Terdapat Hubungan Antara Kekangan Dengan Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP?	109

4.8	Analisis Sumbangan	110
4.8.1	Persoalan Kajian 12 : Apakah Faktor Penyumbang Utama Yang Mempengaruhi Penggunaan ICT Semasa PdP?	110
4.9	Rumusan	113

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	116
5.2	Ringkasan Kajian	116
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	121
5.3.1	Tahap Penggunaan ICT Oleh Guru Dalam PdP di PPKI Masalah Pembelajaran	121
5.3.2	Sikap Guru PPKI Masalah Pembelajaran Terhadap Penggunaan ICT	125
5.3.3	Tujuan Guru PPKI Masalah Pembelajaran Terhadap Penggunaan ICT	127
5.3.4	Tahap Kemahiran Guru PPKI Masalah Pembelajaran Terhadap Penggunaan ICT	128
5.3.5	Tahap Kekangan guru PPKI Masalah Pembelajaran Terhadap Penggunaan ICT	129
5.3.6	Penggunaan ICT Sebagai AT Semasa PdP	131
5.3.7	Pengaruh Faktor Demografi Terhadap Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP	133
5.3.8	Hubungan Antara Sikap Guru Dengan Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP	134
5.3.9	Hubungan Antara Tujuan Penggunaan ICT Dengan Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP	135
5.3.10	Hubungan Antara Kemahiran Dengan Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP	135
5.3.11	Hubungan Antara Kekangan Dengan Kekerapan Penggunaan ICT Dalam PdP	136

5.3.12	Faktor Penyumbang Utama Yang Mempengaruhi Penggunaan ICT Semasa PdP	137
5.4	Implikasi Teori	138
5.5	Cadangan Kajian Akan Datang	140
5.6	Rumusan	141

RUJUKAN


LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Pecahan Soalan Di Dalam Borang Soal Selidik	51
3.2 Skala Bagi Kekerapan Penggunaan ICT	53
3.3 Skala Bagi Sikap Penggunaan ICT	53
3.4 Skala Bagi Tujuan Penggunaan ICT	54
3.5 Skala Bagi Kemahiran Menggunakan ICT	55
3.6 Skala Bagi Kekangan Penggunaan ICT	56
3.7 Kumpulan Pakar Yang Telah Membuat Kesahan Instrumen Kajian	56
3.8 Nilai Pekali Alpha Bagi Setiap Item	59
3.9 Analisis Data	63
3.10 Garis Panduan Skor Min	66
3.11 Aras kekuatan nilai pekali korelasi	68
4.1 Lokasi Sekolah	72
4.2 Latarbelakang Responden Mengikut Jantina	73
4.3 Latarbelakang Responden Mengikut Umur	74
4.4 Latarbelakang Responden Mengikut Kumpulan Siswazah	75
4.5 Latarbelakang Responden Mengikut Bidang Ikhtisas	75
4.6 Latarbelakang Responden Mengikut Pendidikan Tertinggi	76
4.7 Latarbelakang Responden Mengikut Pendidikan Tertinggi	77
4.8 Latarbelakang Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	78
4.9 Taburan Kekerapan Penggunaan ICT	79
4.10 Taburan Pilihan Jawapan Bagi Sikap Terhadap Penggunaan ICT	80
4.11 Taburan Pilihan Jawapan Bagi Tujuan Penggunaan ICT	81

4.12	Taburan Pilihan Jawapan Bagi Kemahiran Penggunaan ICT	83
4.13	Taburan Pilihan Jawapan Bagi Kekangan Penggunaan ICT	85
4.14	Skala Bagi Kekerapan Penggunaan ICT	87
4.15	Analisis Data Dan Keputusan Penggunaan ICT oleh Guru	88
4.16	Analisis Data Dan Keputusan Bagi Tahap Sikap Guru Terhadap Penggunaan ICT	89
4.17	Analisis dan Keputusan Bagi Tujuan Penggunaan ICT	90
4.18	Analisis Dan Keputusan Tahap Kemahiran Penggunaan ICT	92
4.19	Analisis Dan Keputusan Tahap Kekangan terhadap penggunaan ICT	94
4.20	Analisis Dan Keputusan Guru Menggunakan ICT sebagai AT	96
4.21	Ujian t Antara Kumpulan Perkhidmatan Dan Penggunaan ICT	98
4.22	Ujian t Antara Bidang Ikhtisas Dan Penggunaan ICT	98
4.23	Ujian t Antara Kehadiran Kursus Dan Penggunaan ICT	99
4.24	Taburan Antara Umur Dan Penggunaan ICT	100
4.25	Ujian Anova Satu Hala Antara Umur Dan Penggunaan ICT	101
4.26	Keputusan Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> Penggunaan ICT Berdasarkan Umur	101
4.27	Taburan Antara Pendidikan Tertinggi Dan Penggunaan ICT	102
4.28	Ujian Anova Satu Hala Antara Pendidikan Tertinggi Dan Penggunaan ICT	102
4.29	Keputusan Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> Penggunaan ICT Berdasarkan Pendidikan Tertinggi	103
4.30	Taburan Antara Pengalaman Mengajar Dan Penggunaan ICT	104
4.31	Ujian Anova Satu Hala Antara Pengalaman Mengajar Dan Penggunaan ICT	104
4.32	Keputusan Ujian <i>Post Hoc Scheffe</i> Penggunaan ICT Berdasarkan Pengalaman Mengajar	105
4.33	Korelasi Antara Sikap Dan Kekerapan Penggunaan ICT	107
4.34	Korelasi Antara Tujuan Dan Kekerapan Penggunaan ICT	108

4.35	Korelasi Antara Kemahiran ICT Dan Kekerapan Penggunaan ICT	109
4.36	Korelasi Antara Kekangan Dan Kekerapan Penggunaan ICT	109
4.37	Analisis Regresi Beberapa Pembolehubah	110
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian	118



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	24
3.1 Tatacara Menjalankan Kajian	61
4.1 Sumbangan terhadap tahap penggunaan ICT dalam kalangan guru PPKI Masalah Pembelajaran di sekolah rendah	112

SENARAI SINGKATAN

ASD	<i>Autism Syndrom Disorder</i>
AT	<i>Assistive Technology</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
EPRD	Bahagian Perancangan Dasar Pendidikan
e-pembelajaran	pembelajaran elektronik
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IT	Teknologi Pembelajaran
IQ	<i>Intelligence quotient</i>
JPNPP	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
KBSR	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
KSSR PK	Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LP	Lembaga Peperiksaan
<i>M-Learning</i>	<i>Mobile Learning</i>
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
PKBP	Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
PPKI	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSMI	Projek Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
VLE	Persekitaran Pembelajaran Maya
YTL	<i>YTL Communications</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual sampel rawak
- B Borang soal selidik
- C Panduan KSSR PK
- D Surat Kebenaran EPRD
- E Surat Kebenaran JPNPP
- F Contoh Surat Kepada Sekolah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan mengenai kajian yang telah dijalankan iaitu meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan kerangka konsep. Bab ini juga menerangkan mengenai definisi istilah yang menjelaskan istilah-istilah yang digunakan di dalam kajian ini.

1.2 Latar belakang Kajian

Transformasi pendidikan dilaksanakan bertujuan meningkatkan taraf pendidikan di Malaysia. Ini bagi menghasilkan murid yang lebih holistik selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Tidak ketinggalan pendidikan bagi murid berkeperluan khas masalah pembelajaran. Pendidikan Khas di negara kita telah berkembang di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) semenjak di tubuhkan pada 16 Oktober 1995 selaras dengan penstrukturan semula KPM ketika itu. Jabatan ini bertanggungjawab ke atas hal-hal professional bagi semua program pendidikan khas yang dilaksanakan di sekolah dan hospital. Ianya termasuk program integrasi dan program inklusif yang di jalankan disekolah.

Proses pendidikan bagi murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Masalah Pembelajaran yang dahulu dikenali sebagai Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) adalah sesuatu yang mencabar dan memerlukan guru-guru yang terlatih bagi mengendalikannya. Ini kerana di dalam sesebuah kelas terdiri daripada murid yang mempunyai masalah berbeza. Apabila terdiri daripada pelbagai masalah, maka tingkah laku, psikologi, perkembangan dan kemahiran murid juga adalah berbeza. Ini merupakan satu cabaran bagi guru-guru yang mengajar di PPKI Masalah Pembelajaran dalam membuat pemilihan bahan bantu mengajar (BBM) bagi memastikan objektif Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) tercapai. Oleh itu penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dilihat sebagai satu keperluan dalam menangani masalah ini.

ICT dalam bidang pendidikan di Malaysia adalah tidak asing lagi. Penggunaan komputer dalam pendidikan bermula pada tahun 1967 apabila Lembaga Peperiksaan (LP) menggunakan komputer dalam urusan pemprosesan data peperiksaan. Menyedari bahawa pendedahan awal kepada ICT akan menyediakan generasi muda dengan nilai tambah kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi ledakan maklumat serta mengharungi arus globalisasi, ICT dijadikan mata pelajaran di sekolah pada tahun 1990an.

Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga ada menyatakan ‘Kementerian akan terus memastikan murid berkeperluan khas seperti murid pendidikan khas mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan yang relevan dengan keperluan mereka’ (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Manakala pendidikan untuk semua menegaskan tentang hak semua kanak-kanak untuk diberi pendidikan tanpa mengira latar belakang sosial mahupun perkembangan intelek seseorang kanak-kanak tersebut. Keperluan bagi menyediakan dan memberi pendidikan kepada semua kanak-kanak adalah menjadi satu daripada tanggungjawab sosial yang penting dalam masyarakat. Individu berkeperluan khas juga merupakan sebahagian daripada golongan individu kanak-kanak yang patut diberi pendidikan yang sewajarnya.

Penggunaan teknologi di dalam bidang pendidikan khas juga bukan sahaja sebagai BBM tetapi ianya juga bertujuan menutup jurang dikatakan lebih berguna dan berkesan. Hal ini termasuklah *assistive technology* (AT) yang digunakan oleh murid dari golongan kurang upaya dan mencipta satu pendekatan sistem kepada perubahan

yang membawa kebaikan kepada murid. AT merujuk pada item, keperluan atau produk yang dibina, diubahsuai, dikomersil atau disusun agar dapat digunakan dengan tujuan meningkatkan, memelihara atau menambah baik kemampuan fungsi kepada orang kurang upaya dan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan. Oleh yang demikian, penggunaan ICT dilihat sebagai satu keperluan dalam menangani masalah ini.

1.3 Penyataan Masalah

Murid yang ditempatkan di PPKI Masalah Pembelajaran merupakan murid yang tidak mempunyai tahap kebolehan yang sama dengan murid di aliran perdana. Mereka terdiri daripada murid yang mempunyai tahap *intelligence quotient* (IQ) yang rendah dan mempunyai masalah tingkah laku. Selain itu, mereka juga tidak mempunyai daya ingatan yang lama dan mempunyai masalah menguasai kemahiran motor halus dan motor kasar. Oleh itu teknik dalam penyampaian PdP adalah sangat penting dalam membantu murid PPKI Masalah Pembelajaran mencapai objektif PdP. Kecanggihan ICT di era ini dilihat dapat menangani masalah yang dihadapi oleh murid yang mempunyai masalah pembelajaran. Oleh yang demikian, mengintegrasikan penggunaan ICT dalam PdP terhadap murid PPKI Masalah Pembelajaran dilihat dapat membantu dalam mencapai objektif PdP. Namun begitu, mengintegrasikan penggunaan ICT di dalam dunia pendidikan merupakan satu cabaran yang perlu di hadapi oleh guru pada masa kini.

Menurut Syed Ismail dan Ahmad Subki (2012) murid berkeperluan khas mempunyai kecerdasan yang amat rendah berbanding dengan kecerdasan purata dan

menghadapi masalah penyesuaian diri dalam pendidikan aliran perdana. Manakala Mohd Zuri, Aznan dan Zainuddin (2013) menyatakan murid berkeperluan khas biasanya mempunyai masalah pembelajaran akan menghadapi masalah perkembangan bahasa, perkembangan fizikal, perkembangan akademik dan perkembangan persepsi. Di dalam kajian yang sama juga menyatakan tingkahlaku bermasalah adalah tingkahlaku yang mengganggu atau mengancam individu lain yang melibatkan kerosakan harta benda hingga menyebabkan kecederaan terhadap orang lain atau pada diri sendiri.

Pelbagai teknik digunakan dalam menjalankan PdP terhadap murid pendidikan khas, namun mereka perlu penyesuaian kerana setiap murid adalah berbeza. Tidak semua teknik berkesan untuk semua murid dan guru perlu variasikan teknik bagi membentuk persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif bagi membantu murid dengan berkeperluan khas (Jamilah, 2009)

Bagi menangani masalah ini penggunaan ICT dalam PdP dilihat sebagai satu keperluan yang sangat penting di dalam bidang pendidikan khas. Kepentingan ICT dalam kehidupan masa kini tidak dapat dinafikan. Kajian-kajian terdahulu juga menunjukkan kepentingan dan kelebihan penggunaan ICT dalam PdP sama ada terhadap murid pendidikan khas mahupun murid di aliran perdana yang berada di sekolah rendah, sekolah menengah dan institut pengajian tinggi. Arus perubahan pembangunan mendorong dunia pendidikan juga mengalami pelbagai transformasi seiring dan memenuhi kehendak perubahan tersebut.

Oleh yang demikian penggunaan ICT dalam PdP PPKI Masalah Pembelajaran juga dapat membantu menarik minat dan mengawal tingkahlaku mereka. Penggunaan

ICT terhadap murid berkeperluan khas mampu menjadikan PdP lebih terangkum yang membolehkan mereka mencipta dan mengambil bahagian dengan lebih baik (Cole, 2012).

Melalui penggunaan ICT dalam PdP juga dapat memberikan peluang yang luas berbanding kaedah tradisional. Seperti yang diutarakan oleh Jafri dan Mukrim (2006) iaitu kemudahan hipermedia dan multimedia telah memudahkan pendekatan dan kaedah belajar yang tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan menggunakan kaedah tradisional. Beliau juga menyatakan penggunaan ICT dapat mempelbagaikan kaedah dan penekanan kepada penciptaan dan penerokaan ilmu secara aktif selain daripada menerima ilmu secara sehalu sahaja.

Ini jelas menunjukkan keperluan penggunaan ICT terhadap bidang pendidikan, khususnya terhadap murid pendidikan khas. Melalui penggunaan ICT dapat mengawal murid dari segi psikologi iaitu menarik minat mereka terhadap PdP yang dijalankan oleh guru. Secara tidak langsung ianya meningkatkan daya tumpuan murid di dalam kelas. Ini kerana murid di PPKI Masalah Pembelajaran mempunyai masalah dalam memberi tumpuan semasa PdP.

Maka pengkaji merumuskan bahawa dengan penggunaan ICT dalam PdP pendidikan khas dapat memudahkan gambaran bagi meningkatkan memori, menjelaskan arahan kompleks untuk pemahaman murid dan dapat mewujudkan sesi yang lebih interaktif serta berkesan.

Namun begitu, dalam memastikan keberkesanan penggunaan ICT terhadap pelbagai faktor yang perlu diambil kira. Faktor-faktor ini penting dalam memastikan penggunaan ICT memberi impak yang maksimum dan baik di dalam PdP seperti yang

diharapkan. Jelas di dalam kajian Carlson (2003) yang menyatakan penerimaan teknologi oleh para guru amat penting untuk menentukan keberkesanan penggunaan di sekolah yang telah dibekalkan dengan teknologi. Menurut beliau lagi dengan tidak mengambil kira faktor kesediaan guru dalam penggunaan komputer pula akan membazirkan sumber perkakasan dan perisian kerana guru tidak akan menggunakan dengan baik perkakasan tersebut.

Kesediaan dari aspek sikap, tujuan dan kemahiran guru dalam menerima menggunakan sesuatu inovasi juga merupakan faktor yang sangat penting. Menurut Sharipah Khadijah (2001) dalam kajiannya mendapati walaupun guru-guru mempunyai minat dan bersedia menggunakan komputer dalam pengajaran dan pembelajaran tetapi sikap yang ditunjukkan oleh mereka adalah negatif. Namun begitu, Baharom (2011) menyatakan sebagai seorang guru seharusnya peka terhadap perkembangan teknologi terkini serta menyertai kursus tentang penggunaan komputer agar dapat mempelbagaikan teknik pengajaran.

Selain itu, kemahiran untuk melaksanakan sesuatu adalah sangat penting. Oleh yang demikian kemahiran penggunaan dan pengendalian ICT adalah sangat penting dalam memastikan penggunaan ICT dalam PdP. Menurut Syed Ismail dan Ahmad Subki (2011) kemahiran ICT adalah salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru dalam memastikan pendidikan di Malaysia setaraf dengan pendidikan dunia.

Menyedari kepentingan penggunaan ICT dalam pendidikan, maka sebagai seorang guru seharusnya sentiasa memperkasakan kemahiran pengguna ICT dalam PdP. Begitu juga halnya terhadap penggunaan ICT dalam kalangan guru PPKI Masalah Pembelajaran juga tidak boleh ketinggalan dalam menghadapi transformasi

dunia pendidikan di Malaysia. Ianya diharapkan dapat bergerak seiring dengan perkembangan pendidikan di aliran perdana, di mana penggunaan ICT dalam PdP sangat dititik beratkan agar murid dapat belajar dengan lebih baik.

Justeru itu, kajian ini dijalankan oleh pengkaji bagi melihat sejauhmana penggunaan ICT dalam kalangan guru PPKI Masalah Pembelajaran sekolah rendah dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini juga dilihat penting dalam memastikan hasrat KPM terhadap pelaksanaan pembelajaran elektronik (e-pembelajaran) dan *Mobile Learning (M-Learning)* tercapai. Sehubungan dengan itu juga kajian ini bagi berusaha memperjelaskan sejauhmanakah penggunaan ICT dan apakah faktor yang mempengaruhi penggunaan ICT dalam kalangan guru PPKI Masalah Pembelajaran sekolah rendah.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan di atas, fokus kajian ini adalah bagi mengenalpasti sejauhmana penggunaan ICT dan faktor yang mempengaruhi penggunaan ICT dalam PdP PPKI. Selain itu kajian juga melihat tujuan dan kekangan penggunaan ICT oleh guru pendidikan khas yang mengajar di PPKI Masalah Pembelajaran sekolah rendah.

Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan berpandukan kepada beberapa objektif iaitu;

- i. Menenalpasti kekerapan guru-guru PPKI Masalah Pembelajaran sekolah rendah menggunakan ICT.